


SULIT
1249/1
Sejarah
Kertas 1
2001
1 jam



1249/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM ZON SELATAN 2001

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak.


(Lihat sebelah)

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- | |
|-----------------|
| ❖ Kota |
| ❖ Istana |
| ❖ Tempat Ibadat |

1. Unsur di atas menjadi asas kemajuan sesebuah Bandar dalam tamadun awal. Apakah faktor utama yang membawa kepada perkembangan sesebuah bandar dalam tamadun awal ?
 - A Perkembangan sektor perhubungan dan pengangkutan
 - B Perkembangan sektor pertanian dan perdagangan
 - C Perkembangan sektor perindustrian dan perusahaan
 - D Perkembangan sektor pentadbiran dan pemerintahan
2. Kota Harappa dan Mohenjo Daro menunjukkan corak kehidupan manusia yang berorganisasi. Apakah buktinya ?
 - I pembinaan kota-kota bandar yang sistematik
 - II tiap-tiap kota ditadbir oleh kerajaan bercorak demokrasi
 - III terdapat kubu perlindungan bagi penduduk kota
 - IV terdapat gedung-gedung, dewan orang ramai dan kedai di kota ini
 - A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

3.



Rajah di atas menunjukkan susun lapis masyarakat Cina pada zaman pemerintahan Dinasti Shang. Golongan yang bertanda Q ialah

- A Pendeta dan anak raja
- B Penulis agama dan ulama
- C Artisan, peniaga dan askar
- D Hamba abdi dan hamba berhutang

4. Orang Sumeria dipercayai mula-mula sekali menggunakan roda iaitu lebih kurang 3500 SM.
Bagaimanakah penciptaan roda memudahkan kerja seharian mereka ?
- I Menjadi pedati di medan peperangan
 - II Sebagai peroda untuk membuat tembikar
 - III Memudahkan pembinaan ziggurat
 - IV Sebagai kincir dalam sistem pengairan
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
5. Aliran falsafah Rom dipengaruhi oleh Zeno, ahli falsafah Yunani. Manakah di antara berikut merupakan pemikiran-pemikiran Zeno yang berkaitan dengan Stoisisme ?
- I Alam semesta ditentukan oleh kuasa ghaib
 - II Kebahagiaan seseorang dipengaruhi oleh kuasa ghaaib
 - III Alam sekeliling mempengaruhi keadilan dan keamanan
 - IV Nasib seseorang bergantung kepada keharmonian dengan alam
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
6. Undang-undang Rom yang pertama dipahat pada papan dua belas yang dipanggil Papan Dua Belas. Undang-undang Rom sangat adil kepada pesalah kerana
- A Pesalah diadili oleh sebuah kumpulan juri yang berpengalaman
 - B Pesalah dianggap tidak bersalah hingga terbukti bersalah
 - C Pesalah diberi peluang membela diri
 - D Pesalah dikenakan hukuman yang setimpal dengan kesalahan
- 7.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • <i>Dewan Senat</i> • <i>Dewan Perhimpunan</i> |
|--|

Kedua-dua dewan di atas terdapat dalam sistem politik Rom dan Yunani.
Apakah kesimpulan yang sesuai dengan kewujudan kedua-dua dewan di atas dari segi politik ?

- A Sistem politik Rom dan Yunani bercorak monarki
- B Sistem politik Rom dan Yunani bercorak demokrasi
- C Sistem politik Rom dan Yunani bercorak republik
- D Sistem politik Rom dan Yunani adalah serupa

8. Soalan 8 berasaskan gambarajah dibawah

HABUL AL-LATTA	AL-UZZA AL-MANAT
---------------------------	-----------------------------

Senarai di atas mengandungi nama-nama patung yang terdapat disekeliling Kaabah. Apakah kesimpulan yang kamu buat tentang kepercayaan orang masyarakat Jahiliyah?

- A Mereka adalah penyembah berhala
 - B Mereka adalah pemuja alam semesta
 - C Mereka mempunyai kepercayaan politeisme
 - D Mereka adalah peyembah dewa-dewa
9. Dalam usaha menyebarkan dakwah Islam, Nabi Muhammad sendiri telah berdakwah ke Taif tetapi seruan baginda tidak diterima. Mengapakah ajaran Nabi Muhammad tidak mendapat sambutan di Taif?
- A Ajaran Islam bertentangan dengan budaya penduduk Taif
 - B Nabi Muhammad S.A.W bukan satu keturunan dengan mereka
 - C Penduduk Taif berpegang kuat kepercayaan agama dan kepercayaan mereka
 - D Penduduk Taif telah bekerjasama dengan kaum Musyrikin Makkah.

10.

Empayar	Bandar yang ditawan
Empayar X	-Gallipoli -Andrianpole -Bosnia -Walachia -Bulgaria

Di zaman empayar ini banyak negara Eropah dikuasai oleh orang Islam. Empayar X yang dimaksudkan ialah

- A Empayar Umaiyyah
- B Empayar Abbasiyah
- C Empayar Uthmaniyah
- D Empayar Umaiyah dan Andalusia

11. Berikut adalah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh Saidina Abu Bakar sepanjang pemerintahannya sebagai Khalifah?

- I memilih pengganti beliau
- II menentang golongan murtad
- III ancaman Rom dan Parsi
- IV mengumpulkan Al-Quran

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

12. Di barat beliau terkenal sebagai Gaber dan terkenal dalam bidang perubatan dan kimia. Berikut ialah kenyataan mengenai Jabir bin Hayyan

- I menterjemah lebih 80 karya dalam bahasa Latin
- II menggabungkan kaedah kajian secara tradisi dan moden melalui eksperimen
- III mencipta teori peleburan logam
- IV memperkenalkan istilah kimia seperti alkali, alembic dan tutty

- A I dan II
- B II dan III
- C I dan III
- D I,II,III dan IV

13. Terdapat pelbagai teori tentang kedatangan Islam ke Asia Tenggara. Antara berikut yang manakah benar tentang kedatangan agama Islam di Asia Tenggara oleh **Emanuel Gidinho Eredia**, seorang Sarjana Sepanyol.

- A Agama Islam tersebar ke Asia Tenggara dari China menerusi Canton dan Hainan
- B Islam tersebar ke Asia Tenggara dari India melalui Camabay dalam wilayah Gujerat
- C Agama Islam datang ke Asia Tenggara secara langsung dari Arab
- D Agama Islam tersebar ke Asia Tenggara dari pantai Koromandel di India

14. Mengapakah Muawiyah bin Abu Suffian dikenali sebagai khalifah yang terkenal pada Zaman Bani Umaiyah?

- A Beliau telah mengubah sistem pentadbiran Islam
- B Beliau telah mengasaskan kerajaan Bani Umaiyah
- C Beliau seorang yang berfikiran terbuka
- D Beliau seorang pemimpin yang pintar berpolitik

15. Pada penghujung Zaman Pertengahan berlaku beberapa perubahan dalam bidang ekonomi. Faktor utama yang menyebabkan berlakunya perubahan itu ialah
- A pergeseran di kalangan orang Eropah mula reda.
 - B pembukaan lombong emas di Afrika Utara
 - C perlepasan harta dan kekayaan gereja.
 - D pembukaan kawasan baru Eropah oleh orang Gasar.

Matlamat Penjelajahan

Gospel

Gold

Glory

16. Agama merupakan unsur yang penting sewaktu penjelajahan oleh kuasa Portugis dan Sepanyol ke dunia luar.
Mengapakah terjadinya hal yang sedemikian?
- A Kedua-dua kuasa berlumba-lumba untuk menjadi perintis dalam penjelajahan.
 - B Kedua-dua kuasa tersebut ingin menyebarkan agama kristian di timur
 - C Kedua-dua kuasa tersebut ingin memonopoli perdagangan rempah daripada saudagar Islam
 - D Kedua-dua kuasa tersebut ingin bersatu memerangi Islam di Timur.

Pihak Belanda berjaya mengekalkan dasar monopoli perdagangan di Indonesia sehingga kurun ke-20.

17. Bagaimanakah pihak Belanda berjaya merealisasikan dasar tersebut?
- I memonopoli hak pembelian barang dagangan tempatan
 - II menjalankan tanaman paksa
 - III mengalakkan tanaman komersial
 - IV meningkatkan kebajikan petani
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
18. Kedatangan orang Eropah ke Asia Tenggara tidak di sukai oleh penduduk tempatan.
Apakah yang menyebabkan timbulnya penentangan masyarakat tempatan terhadap kedatangan orang Eropah tersebut?
- I kuasa Barat menindas pedagang Islam
 - II memonopoli perdagangan di Timur
 - III menghapuskan adat resam tempatan
 - IV mengkristiankan penduduk ytempatan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

19. Pendudukan Perancis di Vietnam telah menimbulkan satu konflik yang sangat ketara di antara penduduk tempatan dengan penjajah tersebut. Mengapakah timbul hal yang sedemikian?

- I akibat perbezaan fahaman agama
- II berlaku penindasan oleh kuasa asing
- III Perancis bersikap kejam
- IV tidak memahami budaya tempatan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

Perjanjian Tordesillas 1494

20. Bagaimanakah perjanjian tersebut membantu kuasa Portugis melakukan usaha penjelajahan ke sebelah timur dengan lebih mudah?

- A mengelakkan persaingan daripada kuasa Sepanyol
- B menjadikan kawasan Timur sebagai milik bersama
- C mengakhiri perang kedua-dua kuasa yang membebankan
- D memerangi kuasa Islam di Timur secara bersama

21. Mesin menyemai benih dan sejenis bajak berbentuk tiga segi yang dinamakan Rotterham telah direka pada zaman Revolusi Pertanian. Apakah kesan penciptaan mesin-mesin tersebut ?

- I Peningkatan hasil pertanian
- II Peningkatan kesuburan tanah
- III Pengekalan kesuburan tanah
- IV Pengurangan penggunaan tenaga manusia

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

22. Pada Mei 1628, parlimen Inggeris telah mengemukakan *Petition of Right* kepada Raja Charles I.
Apakah kandungan rayuan dalam *Petition of Right* ini?
- A Mengutuk kuasa parlimen yang mengatasi kuasa raja
 - B Menjelaskan bahawa parlimen berkuasa penuh ke atas raja
 - C Menentang amalan raja memungut cukai tanpa kelulusan parlimen
 - D Menegaskan bahawa parlimen berkuasa menghadkan kuasa budi bicara raja
23. Thomas Paine, seorang ahli fikir Inggeris dan penulisannya yang berjudul *Common Sense* telah mempengaruhi Revolusi Amerika dan Revolusi Perancis. Apakah idea Thomas Paine yang telah mempengaruhi penentangan rakyat Amerika terhadap parlimen Inggeris?
- I Mempersoalkan pemerintahan Inggeris ke atas benua Amerika
 - II Mempersoalkan monopoli perdagangan syarikat-syarikat besar
 - III Mempersoalkan kewujudan parlimen Inggeris di Amerika
 - IV Mempersoalkan penguasaan negara luar bertentangan dengan hukum tabii
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C III dan IV
 - D I dan IV
24. Pada 26 Ogos 1789, parlimen Perancis telah meluluskan Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara. Perisytiharan ini telah meletakkan beberapa tanggungjawab kepada kerajaan Perancis.
Antara berikut yang manakah tanggungjawab yang dimaksudkan?
- I Hak kebebasan
 - II Hak perlindungan
 - III Hak menentang penindasan
 - IV Hak berkuasa
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
25. Di jajahan yang ditakluki oleh Napoleon Bonaparte seperti daerah Jerman dan Itali, tentera Napoleon pada mulanya telah dianggap sebagai tentera pembebas. Apakah perubahan yang telah dibawa oleh Napoleon di kawasan tersebut?
- I Menghapuskan sistem cukai feudal
 - II Memperkenalkan sistem birokrasi moden
 - III Meluaskan kuasa Gereja

IV Menghapuskan peraturan sekular

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

26. Pemilihan Abraham Lincoln sebagai presiden merupakan salah satu sebab teretusnya Perang Saudara Amerika 1861-1865. Abraham Lincoln telah mewujudkan akta '*The Thirteenth Amendment 1865*'. Mengapakah akta ini diwujudkan?

- A Untuk memperjuangkan orang kulit putih.
- B Untuk menghapuskan pengaruh sosialis
- C Untuk menghapuskan amalan perhambaan
- D Untuk menubuhkan kerajaan sendiri

27. Revolusi Perindustrian di Britain telah meninggalkan pelbagai implikasi ke atas Asia Tenggara. Apakah implikasi tersebut?

- I Sistem perhubungan negara-negara Asia Tenggara bertambah maju
- II Sektor ekonomi tradisional dimajukan dan diberi tumpuan penting
- III Kegiatan perlombongan dan peladangan dipergiatkan
- IV Pentadbiran dan pendidikan Barat menular ke Asia Tenggara

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

28. Gerakan Propaganda telah lahir di Filipina selepas berlakunya pemberontakan di Cavite pada tahun 1872. Apakah tuntutan utama gerakan ini kepada Sepanyol.

- I Memberikan Filipina kemerdekaan sepenuhnya.
- II Memberikan kebebasan berhimpun, bersuara,, berbincang dan kebebasan akhbar.
- III Memberikan hak yang sama kepada rakyat Filipina.
- IV Pemilihan perwakilan dalam prlimen Sepanyol.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

29. Pada tahun 1911, Haji Samanhudi telah menubuhkan Sarekat Dagang di Jawa. Apakah tujuan utama sarekat ini ditubuhkan?
- A Mengawal kegiatan lanun yang berleluasa di Selat Sunda.
 - B Melindungi saudagar dari kegiatan lanun.
 - C Menentang dasar monopoli Belanda di Indonesia.
 - D Melindungi saudagar batek Jawa dari persaingan orang-orang Cina.
30. Kepimpinan politik Thai berpecah kepada Liberal dan Konsevatif selepas Revolusi 1932. Apakah yang diperjuangkan oleh golongan Liberal?
- A Membentuk kerajaan bercorak demokrasi di Thailand.
 - B Membubarkan sistem monarki yang memberikan jawatan berdasarkan keluarga.
 - C Mempertahankan nilai-nilai agama dan kebudayaan Thai.
 - D Menuntut kerajaan bertanggung jawab terhadap kemelesetan ekonomi Thai.
31. Jepun menjadi sebuah kuasa imperialis pada akhir kurun ke –19. Mengapakah Jepun bersaing dengan kuasa-kuasa Barat untuk memperoleh tanah jajahan di Asia?
- A Bidang perindustrian di Jepun yang berkembang pesat memerlukan bahan mentah.
 - B Hasratnya untuk muncul sebagai kuasa dunia
 - C Permintaan negara Asia yang terjajah supaya membantu mengusir imperialis-imperialis Barat
 - D Mencari kekayaan dari tanah jajahan untuk mengatasi masalah kewangannya.
32. Kuasa-kuasa imperialis seperti Belanda dan Inggeris telah menubuhkan syarikat perdagangan yang tersendiri. Apakah tujuan utama penubuhan syarikat-syarikat perdagangan-perdagangan tersebut?
- A Dapat memberi perlindungan kepada pedagang-pedagang mereka.
 - B Menyediakan modal kepada pedagang di luar negeri.
 - C Sebagai satu badan kebajikan.
 - D Menjadi orang tengah kepada pedagang-pedagang dengan pihak pemerintah luar negeri
33. Jose Rizal merupakan tokoh utama penggerak semangat nasionalisme. Beliau banyak menulis artikel tentang kekejaman Sepanyol. Antaranya ialah
- I la Solidaridad
 - II El Filibusterismo
 - III Noli Me Tangere
 - IV Biacnabato

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D III dan IV

34. Pergerakan nasionalisme di Asia Tenggara pada awalnya bersifat sederhana. Berubah menjadi lebih radikal kemudinya. Apakah yang menyebabkan pertukaran tersebut?

- I Sikap penjajah yang keras dan tidak mahu bertolak ansur
- II Dipengaruhi oleh gerakan radikal berhaluan kiri di China dan Rusia.
- III Golongan berpendidikan barat mula melibatkan diri dengan gerakan nasionalisme
- IV Timbul kesedaran penjajah boleh diusir dengan kekerasan.

- A I dan II
- B I dan Iii
- C I dan IV
- D II dan IV

35. Mengapakah orang Barat berlumba-lumba untuk meluaskan kawasan pengaruh masing-masing?

- I Meningkatkan imej mereka sebagai kuasa besar
- II Mahu menguasai bahan mentah dan keperluan kilang yang amat diperlukan.
- III Mendapatkan pasaran bagi hasil kilang mereka
- IV Mendapatkan sumber tenaga buruh untuk kilang mereka

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

36.

Peristiwa	Perang Dunia Pertama
Tahun	1914 - 1918

Mengapakah Perang Dunia Pertama itu tercetus?

- I Persaingan hebat di kalangan negara-negara Barat
- II Serangan Jerman ke atas Poland
- III Kemajuan ekonomi dan ketenteraan Jerman
- IV Wujudnya dua blok kuasa yang bersengketa

- A I,II dan III
- B I,II dan IV
- C I,III dan IV
- D II,III dan IV

37. Pada tahun 1931, kerajaan British telah membuat satu tindakan yang disahkan oleh Undang-undang Westminster.
Apakah tindakan yang dimaksudkan itu?

- A Mengiktiraf jajahan sebagai negara merdeka
- B Mengiktiraf jajahan sebagai negara berdaulat
- C Mengiktiraf jajahan sebagai tanah jajahan yang kekal
- D Mengiktiraf Ireland dan Eire sebagai tanah jajahan


38.



Kedua-dua pertubuhan di atas telah ditubuhkan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.
Apakah tujuan kedua-dua pertubuhan itu dibentuk?

- A menyekat perluasan kuasa Rusia
- B menyekat merebaknya perang dunia
- C menyekat perkembangan Perang Dingin
- D menyekat merebaknya pengaruh komunis

39.



Mengapakah Itali rasa tercabar kesan daripada Perjanjian Versailles?

- A Tidak mendapat tanah jajahan baru
- B Angkatan tenteranya dihadkan
- C Terpaksa menyerahkan jajahannya
- D Diarah membayar ganti rugi

40.

NEGARA	TARIKH	PERISTIWA
Rusia	Oktober 1917	Revolusi

Revolusi Rusia menjadi titik permulaan kepada

- A tamatnya sistem pemerintahan beraja
- B kemunculan kerajaan komunis
- C tamatnya perang di Eropah
- D kemunculan gerakan fasis

KERTAS SOALAN TAMAT

PERCUBAAN ZON SELATAN 2001
JAWAPAN SEJARAH 1
1249 / 1

No Soalan	Jawapan dan mukasurat	Pembuat soalan
1	B (m/s 6)	STF
2	C (m/s 8)	STF
3	C (m/s 11)	STF
4	B (m/s 18)	STF
5	B (m/s 31)	STF
6	B (m/s 21)	STF
7	B (m/s 21)	STF
8	A (m/s 41)	SMSMr
9	D (m/s 45)	SMSMr
10	C (m/s 56)	SMSMr
11	B (m/s 49)	SMSMr
12	D (m/s 61)	SMSMr
13	A (m/s 69)	SMSMr
14	D (m/s 53)	SMSMr
15	D (m/s 83)	SMSJ
16	B (m/s 91)	SMSJ
17	A (m/s 97)	SMSJ
18	D (m/s 101)	SMSJ
19	D (m/s 101)	SMSJ
20	A (m/s 93)	SMSJ
21	D (m/s 108 / 109)	STJ
22	C (m/s 116)	STJ
23	D (m/s 119 / 120)	STJ
24	A (m/s 123)	STJ
25	A (m/s 126)STJ	STJ
26	C (m/s 131 / 132)	STJ
27	C (m/s 134 / 135)	STJ
28	D tiada muka surat	KTK
29	D tiada muka surat	KTK
30	A tiada muka surat	KTK
31	A tiada muka surat	KTK
32	D tiada muka surat	KTK
33	C tiada muka surat	KTK
34	C tiada muka surat	KTK
35	A tiada muka surat	KTK
36	C (m/s 179)	MOZAC
37	B (m/s 186)	MOZAC
38	D (m/s 194)	MOZAC
39	A (m/s 182)	MOZAC
40	B (m/s 182)	MOZAC

